



PEJABAT TIMBALAN KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA
OFFICE OF DEPUTY DIRECTOR-GENERAL OF EDUCATION MALAYSIA
SEKTOR OPERASI SEKOLAH
SCHOOL OPERATION SECTOR
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA
ARAS 4, BLOK E2, KOMPLEKS E
LEVEL 4 BLOCK E2 COMPLEX E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
FEDERAL GOVERNMENT ADMINISTRATIVE CENTRE
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : +603-8884 9302
Faks : +603-8888 6680
Laman Web : <http://www.moe.gov.my/>

Ruj. Kami : KPM.100-1/7/8 (98)

Tarikh : 05 Oktober 2020

**Semua Pengarah Kolej Matrikulasi
Kementerian Pendidikan Malaysia**

Tuan,

**KEBENARAN PULANG BERMALAM DAN LAWATAN IBU BAPA SERTA WARIS
PELAJAR PROGRAM MATRIKULASI KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Selaras dengan takwim pengajian Program Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi Sesi 2020/2021, semua pelajar program ini dibenarkan untuk pulang bermalam pada cuti pertengahan Semester I Sesi 2020/2021. Sehubungan dengan itu, KPM telah membuat ketetapan agar semua pelajar bagi Kolej Matrikulasi KPM di negeri Kedah, Kelantan dan Johor, pelajar dibenarkan untuk pulang bermalam pada **9 hingga 17 Oktober 2020**. Manakala bagi Kolej Matrikulasi KPM di negeri lain, pelajar dibenarkan untuk pulang bermalam pada **10 hingga 18 Oktober 2020**.

3. Di samping itu, KPM juga ingin memaklumkan bahawa mulai **9 Oktober 2020**, ibu bapa dan waris dibenarkan memasuki premis kolej matrikulasi pada hujung minggu dan cuti umum untuk bertemu dengan pelajar tertakluk pada prosedur operasi standard yang ditetapkan. Namun, **kebenaran ini tidak terpakai** untuk pelajar yang ingin pulang bermalam ke rumah mereka yang **berada dalam kawasan zon merah**. Ibu bapa serta waris yang **berada di kawasan zon merah juga tidak dibenarkan** untuk bertemu pelajar di kolej matrikulasi.

...2/-

KPM. 100-1/7/8 (98)

4. Sehubungan ini, kebenaran pulang bermalam dan lawatan ibu bapa dan waris pelajar Program Matrikulasi KPM perlu mematuhi Garis Panduan Pengurusan dan Pengoperasian Institut Pendidikan Guru dan Kolej Matrikulasi dalam Norma Baharu yang telah dikemas kini dan boleh diakses melalui portal rasmi KPM www.moe.gov.my.
5. Kerjasama tuan adalah dimohon untuk memaklumkan isi kandungan surat ini kepada warga kolej bawah kawalan pihak tuan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



HAJJADZMAN BIN TALIB

Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
(Sektor Operasi Sekolah)
merangkap Timbalan Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru
Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k

1. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
2. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
3. Semua Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
4. Semua Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia